

# BAKTI sumbang RM10,000 ringan beban mangsa banjir

**Dengkil:** Nasib mangsa banjir di Selangor, Melaka, Perak dan Johor mendapat perhatian dan simpati isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang turun padang bagi meringankan beban mereka.

Beliau, selaku Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), semalam menyampaikan sumbangan RM10,000 serta barang keperluan daripada pertubuhan itu kepada mangsa banjir di Selangor, yang diterima wakil Badan Amal dan Kasih Selangor (KASIH), Datin Seri Azlina Ahmad.

Rosmah juga meluangkan masa lebih sejam untuk melawat, bertanya khabar dan menikmati

sarapan pagi bersama mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Dengkil, Sepang di sini semalam.

## **Perak, Melaka dan Johor turut terima sumbangan**

"Ini (banjir) ketentuan Allah, tak ada siapa yang tentukan dan sepatutnya kita rasa bertuah kerana hidup di Malaysia di bawah pemerintahan kerajaan BN kerana jika di negara lain, biasanya tak ada (bantuan) macam ini.

"Kalau dilanda banjir, pandai-pandailah rakyat melepaskan diri dan mereka terpaksa harapkan bantuan dari negara luar, tidak seperti rakyat kita, bila banjir saja semua bantuan sampai, ramai

yang nak membantu, Alhamdulillah," katanya.

BAKTI turut menghulurkan sumbangan masing-masing RM10,000 dan barangan keperluan kepada mangsa banjir di Perak, Melaka dan Johor melalui persatuan yang dinaungi isteri Menteri Besar negeri berkenaan.

Sementara itu, berucap pada majlis Pelancaran Buku 'Seorang Profesor Bersama NGO JUITA: Perkongsian Bijak Dalam Kerja Amal Kebajikan Masyarakat' di Kuala Lumpur, Rosmah berkata pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) negara ini disaran mempraktikkan perkongsian bijak dalam melaksanakan projek amal mereka.



**Rosmah bermesra dengan mangsa banjir dan sukarelawan** selepas bersarapan di Pusat Bantuan Banjir di Dewan Orang Ramai Dengkil, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAL/BH]